

Koleksi Keratan Akhbar

oleh
Zainab Awang Ngah*

Abstract: A collection of newspaper clippings from four newspapers was started by the National Collection Division in April 1983. One of the objectives of this venture was to enrich available materials on the Malay world, in line with the original concept behind the establishment of the Division. Attention therefore, was given to disciplines which covered politics, socio-economic conditions, religion and customs of the Malay world, as reflected in Section A [of the list of subjects covered], given at the end of the article. Cuttings in other areas which touched indirectly on the Malay world or which were found to be of importance and of use to researchers, as shown in Section B, were also collected. To date 17 subject areas are covered which may grow in accordance with the needs of time.

Pengendalian kerja untuk koleksi ini dimulakan oleh Bahagian Koleksi Kebangsaan pada bulan April 1983. Keratan diambil dari empat akhbar tempatan iaitu; *Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times* dan *The Star*.

Tujuan utama pengumpulan koleksi ini ialah untuk memperkayakan lagi bahan-bahan mengenai alam Melayu dalam simpanan Bahagian Koleksi Kebangsaan. Oleh yang demikian tumpuan diberi kepada bidang-bidang yang menyentuh tentang agama, sejarah, keadaan sosio-economic dan budaya Alam Melayu. Ini dianggap bersealiran dengan tujuan asal penerbitan Bahagian tersebut. Juga, dengan menumpukan perhatian kepada bidang tersebut pengumpulan keratan dapat diliputi dengan lebih teliti dan sempurna, memandangkan luasnya bidang yang diliputi oleh akhbar-akhbar, serta kekurangan kakitangan yang boleh digunakan untuk pengendalian urusan harian.

Adalah juga diharapkan bahawa koleksi ini dapat memberi maklumat yang ringkas dan kemaskini dalam bidang yang telah disebutkan. Usaha pengumpulan dimulakan juga atas kesedaran bahawa koleksi keratan ini akan menjadi bertambah berharga dan unik pada masa yang akan datang.

Dengan berpandukan tujuan utama pengumpulan koleksi ini, liputan tajuk-tajuk boleh dibahagikan kepada dua, sebagaimana yang tersenarai di akhir makalah ini. Bahagian pertama meliputi tajuk-tajuk di mana keratannya hanya meliputi bidang pengetahuan bangsa Melayu. Bahagian kedua pula, merangkumi tajuk-tajuk yang dikumpul kerana minat

khusus perpustakaan dalam usahanya untuk memperkayakan perkhidmatan matlumut yang diberi kepada para penyelidik. Tajuk-tajuk dalam bahagian kedua ini didapati juga secara tidak langsung menyentuh persoalan tentang keadaan bangsa Melayu.

Sebagai tindakan peringkat permulaan, satu panduan kepada tajuk perkara utama disusun untuk kegunaan semua kakitangan yang terlibat. Tajuk perkara utama disenaraikan mengikut urutan abjad bersama dengan tajuk-tajuk kecil yang dirangkumi. Singkatan kepada tajuk-tajuk disertakan. Singkatan inilah yang akan dicatatkan oleh pegawai ikhtisas pada keratan untuk meringkaskan lagi kerjanya. Dengan adanya panduan ini pengambilalihan tugas diharap dapat berjalan dengan licin di mana kakitangan baru bertugas terlibat.

Dengan menggunakan panduan tajuk perkara tersebut, pengendalian kerja koleksi ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu (a) tugas-tugas dan tanggungjawab pegawai ikhtisas dan (b) tugas-tugas kakitangan perkeranian.

a) Tugas Pegawai Ikhtisas

Akhbar-akhbar yang diterima setiap hari diserahkan kepada pegawai ikhtisas yang bertugas. Pegawai tersebut akan memilih artikel-artikel yang berkaitan dan mencatatkan singkatan tajuk perkara pada artikel tersebut. Dengan melihat singkatan tajuk ini, kakitangan perkeranian akan tahu sertamerta fail

*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Koleksi Kebangsaan

perkara mana keratan harus dimasukkan. Pegawai ikhtisas juga dipertanggungjawabkan untuk menentukan aliran perkembangan sesuatu tajuk perkara itu, iaitu samada sesuatu bidang perlu ditokok tambah atau dihentikan.

b) Tugas Kakitangan Perkeranian

Akhbar-akhbar yang telah selesai ditandakan oleh pegawai ikhtisas diserahkan kepada tiga kakitangan perkeranian yang terlibat. Setiap kakitangan ini, melainkan satu daripada mereka, ditugaskan mengendalikan keratan bagi satu akhbar sahaja. Tugas-tugas pengendalian termasuk mengecop tarikh pada setiap artikel yang telah dipilih dan mencatat maklumat seperti nama akhbar serta mukasurat.

Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk memotong artikel-artikel dan menentukan keratan dimasukkan ke dalam kotak-kotak yang telah diatur mengikut susunan abjad tajuk perkara utama seperti yang tercatat di dalam buku panduan. Dari masa ke semasa keratan di dalam satu-satu kotak perkara itu disusun mengikut tarikh. Susunan mengikut tarikh dianggap dapat memperlihatkan aliran berita secara logik. Keratan-keratan yang telah disusun ditampal pula ke atas kertas putih berukuran B4 (25½ x 34) atau A4 (21½ x 33) dan dimasukkan ke dalam fail-fail perkara utama untuk sementara waktu. Keratan disimpan di dalam fail-fail untuk sementara waktu sahaja kerana apabila semua keratan bagi tahun 1983 selesai diuruskan, keratan akan dijilid berasingan mengikut tajuk-tajuk perkara yang telah dinyatakan. Sebagai kesimpulan, keratan-keratan melalui tiga keadaan penyimpanan iaitu, di dalam kotak-kotak perkara dalam keadaan tidak tersusun mengikut tarikh pada peringkat pertama, disusun

mengikut tarikh, ditampal dan dimasukkan ke dalam fail-fail sementara mengikut perkara pada peringkat kedua dan dijilid apabila urusan keratan untuk setahun sudah lengkap. Ingin dinyatakan bahawa keratan-keratan dalam koleksi kami dari bulan April hingga Disember 1983 dijangka siap dijilid pada akhir tahun ini. Di mana keratan mengenai satu-satu bidang itu terlalu sedikit bagi tahun 1983 akan dijilid bersama keratan 1984 kelak.

Penjilidan keratan-keratan dianggap perlu untuk mengelakkan dari menghadapi beberapa masalah:

Pertamanya, koleksi keratan yang telah dijilid akan memastikan keselamatan penyimpanan setiap artikel, kerana pengguna tidak akan dapat 'mengambil' keratan dengan sewenang-wenangnya. Keduanya, susunan keratan mengikut tarikh akan terjamin berbandingkan dengan koleksi yang disimpan secara tercerai. Ketiganya, pinjam-meminjam akan lebih mudah diuruskan. Akhirnya, keratan yang berjilid akan memastikan penyimpanan dan perkembangan koleksi yang lebih teratur dan kemas dalam jangka masa yang panjang.

Ingin dinyatakan juga di sini bahawa kejayaan pengumpulan sesuatu koleksi seperti ini bergantung erat kepada kewujudan kerja berkumpulan yang harmonis yang dapat diperlihatkan oleh kakitangan perkeranian Bahagian ini. Ini adalah kerana kerja-kerja koleksi ini dijalankan separuh masa sahaja oleh semua kakitangan yang terlibat.

Berikut disenaraikan tajuk perkara utama beserta dengan tajuk-tajuk kecil yang dirangkumi. Senarai ini tidak dianggap statik, malah akan berubah jika sesuatu tajuk itu didapati berkembang pesat mengikut keadaan masa.

Senarai Tajuk-Tajuk Perkara Untuk Koleksi Keratan Akhbar Dalam Simpanan Bahagian Koleksi Kebangsaan

BAHAGIAN A

Keratan-keratan dalam bahagian ini merangkumi tajuk-tajuk yang hanya meliputi bidang pengetahuan bangsa Melayu.

Tajuk Utama

1. BAHASA MELAYU
2. BIOGRAFI

3. EKONOMI ALAM MELAYU

4. ISLAM

5. PERSATUAN

6. POLITIK ALAM MELAYU

7. SASTERA

Bahagian-Bahagian

Termasuk berita mengenai Dewan Bahasa.

Hanya tokoh-tokoh Melayu. Aturan A – Z mengikut nama. Keratan mengenai Datuk Seri Mahathir dan Datuk Musa Hitam disimpan dalam fail berasingan.

- a. Ekonomi bumiputera (umum)
 - b. MARA
 - c. Kemiskinan
 - d. Amanah Saham Nasional & Bank Simpanan Nasional.
 - e. Tanah.
 - f. Bank Islam.

 - a. Umum.
 - b. Pendidikan Islam.
 - c. Baitulmal
 - d. Tabung Haji & Jemaah Haji.
 - e. Dakwah.
 - f. Perundangan Islam
 mis. Perjudian
 KWSP
 Undang-undang keluarga.
- Persatuan-persatuan yang ditubuhkan oleh kaum bumiputera.
- a. Pergerakan politik bangsa Melayu secara am.
 - b. UMNO
 - c. PAS
 - d. Berjasa
 - e. Hamim

 - a. Kritikan
 - b. Puisi (karya kreatif)
 - c. Cerpen (karya kreatif)
 - d. Ulasan buku

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi keratan-keratan dalam bidang-bidang pengetahuan di mana penyentuhan persoalan bangsa Melayu diliputi secara tidak langsung.

Tajuk Utama

1. ADAT RESAM & KEBUDAYAAN
2. BANGUNAN
3. KESENIAN
4. MASALAH SOSIAL
5. MEDIA MASSA & PERPUSTAKAAN
6. PENDIDIKAN
7. PENGAJIAN TINGGI
8. SEJARAH
9. SOSIOLOGI KUMPULAN
10. TENTERA & POLIS

Bahagian-Bahagian

- a. Budaya kebangsaan
 - b. Perubatan tradisional
 - c. Pakaian dan perkahwinan
 - d. Permainan tradisional
 - e. Pesta dan perayaan
- Bangunan bersejarah.
- a. Am
 - b. Tarian
 - c. Muzik & nyanyian
 - d. Kesenian halus termasuk kraftangan, senibina, lukisan.
 - e. Drama.
 - f. Filem.
- a. Dadah
 - b. Pelacuran
 - c. Penghijrahan
 - d. Setinggalan
- a. Umum
 - b. Akhbar
 - c. Televisyen & radio
 - d. Penerbit & penerbitan
 - e. Perpustakaan & perkhidmatan maklumat.
- a. Umum.
 - b. Perguruan & pengajaran
 - c. Pra-universiti
 - d. Sekolah menengah (termasuk keputusan peperiksaan)
 - e. Sekolah rendah (KBSR dll)
 - f. Pra-sekolah.
- a. Am
 - b. Universiti-universiti tempatan
Aturan A – Z
 - i. Universiti Islam Antarabangsa
 - ii. Universiti Kebangsaan Malaysia
 - iii. Universiti Malaya
 - iv. Universiti Pertanian
 - v. Universiti Sains Malaysia.
 - vi. Universiti Utara Malaysia.
- a. Am
 - b. Sejarah tempatan A – Z mengikut negeri
 - c. Kegiatan komunis di Malaysia
- a. Ethnologi & hubungan kaum
 - b. Kanak-kanak dan wanita.
- a. Tentera
 - b. Polis.